

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, 13 Jun 2024.



Untuk Terbitan Media

13 Jun 2024

SIARAN MEDIA

SUAMI DAN ANAK JEMAAH HAJI WANITA MENINGGAL DUNIA DI MEKAH TERIMA DUA FAEDAH PERKESO

ALERT: WARIS TERIMA FAEDAH PENGURUSAN MAYAT RM3,000

KUALA LUMPUR – Kasih hingga hujung nyawa dizahirkan selepas suami dan anak kepada jemaah haji wanita yang meninggal dunia di Mekah pada 10 Jun lalu layak menerima dua Faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menurut Pengurus Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal, Allahyarham Zuraida Mohd Haris, 37, merupakan pencarum yang berdaftar bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) sejak 2011 sehingga kini dan beliau terakhir berkhidmat sebagai guru Kelas Al-Quran & Fardu Ain (KAFA) di Sekolah Rendah Agama, Kampung Pandan bawah seliaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

"Arwah berada di Mekah bagi menunaikan ibadah haji bawah seliaan Lembaga Tabung Haji (TH) bersama suaminya Mohd Azmil Abdul Hamid, 38 dan telah meninggal dunia selepas enam hari menerima rawatan akibat pendarahan otak sebelah kanan di Hospital King Abdul Aziz, pada jam 8.15 malam waktu tempatan Arab Saudi.

"Hasil penelitian PERKESO mengesahkan waris keluarga iaitu suami dan seorang anaknya layak menerima faedah PERKESO untuk sepanjang hayat, manakala anaknya diberikan manfaat sama sehingga berusia 21 tahun jika belum berkahwin dan boleh dilanjutkan sekiranya menyambung pengajian ke peringkat ijazah pertama.

"Anak arwah Puteri Zahra Mohd Azmil,9, merupakan salah seorang pelajar sekolah angkat PERKESO iaitu Sekolah Kebangsaan Desa Pandan dan kini berada dalam jagaan saudaranya sementara kedua mereka menunaikan haji," ujar beliau.

Subahan memberitahu, waris arwah telah menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM3,000.00 secara sekali bayar pada hari ini serta layak menerima Pencen Penakat sebanyak RM682.29 setiap bulan.

"Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed juga berkesempatan menyantuni suami arwah di tanah suci Mekah berikutan beliau turut menunaikan haji dan menzahirkan ucapan takziah kepada ahli keluarga arwah serta berharap faedah yang diberikan PERKESO sedikit sebanyak mampu meringankan beban yang ditanggung keluarga," tambah Subahan.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

13 Jun 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my